



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*The National University
of Malaysia*

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA (BKU) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

- Hasil Utama UKM dan Penunjuk Prestasi Hasil Utama
 - Sub BKU dan Penunjuk Prestasi Utama Hasil
 - Strategi Subbidang Keberhasilan Utama (BKU)
- Pelan Tindakan dan Penunjuk Prestasi Utama Operasi

Strategi-UKM
Pejabat Naib Canselor



Kata Alu-aluan

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan atas hasrat dan kehendak rakyat yang mahukan sebuah universiti “kebangsaan” diwujudkan di negara ini. Warga UKM pada hari ini perlu memastikan semangat kebangsaan serta aspirasi rakyat ini terus terpahat dalam sanubari dan diperjuangkan. Justeru, UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara (*Guardians of The Nation*) perlu sentiasa mengilham

harapan dan berusaha untuk mencipta masa depan yang lebih baik untuk masyarakat dengan meletakkan segala isu yang dihadapi negara sebagai permasalahan yang perlu ditangani oleh UKM.

Sesuai dengan peredaran masa, perubahan ekonomi, sosial dan masyarakat serta kehendak pemegang taruh, UKM perlu peka dengan perubahan dan bertindak awal untuk memastikan bahawa ia sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati (*relevant, referred, respected*). Daya usaha pro-aktif yang dilakukan adalah bersifat kontekstual yang bukan mengikut trend tetapi menepati kehendak negara dan masyarakat supaya UKM sentiasa memainkan peranannya sebagai Pendaulat Amanah Negara.

UKM telah mengenal pasti enam (6) Bidang Keberhasilan Utama (*Key Result Areas – KRA*) yang mendesak dan menjadi dasar kepada hala tuju strategik pada masa hadapan:

1. Graduan Beraspirasi Kebangsaan dan Berkompeten
2. Penyelidikan dan Inovasi yang Berimpak Tinggi
3. Perkongsian Pintar dan Keterlibatan Strategik
4. Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang
5. Penjanaaan Kekayaan Secara Optimum dan Strategik
6. Prasarana dan Persekitaran Ilmu yang Kondusif

Adalah harapan saya supaya majlis yang kita adakan ini dapat meningkatkan kefahaman kepada semua staf pengurusan dan profesional serta pelaksana tentang mengapa kita perlu berubah dan supaya semua perancangan dan tindakan di semua peringkat perlu disandarkan kepada enam keberhasilan utama (KRA) tersebut. Ini juga turut melambangkan kesatuan cita-cita dan destinasi yang perlu dicapai menerusi tindakan yang diatur serta direncanakan dengan penuh hemah, strategik dan inklusif. Dengan pemahaman ini saya yakin seluruh warga UKM akan dapat menghayati, mendukung dan memperjuangkan hasrat murni universiti yang kita sayangi ini dengan sepenuh iltizam dan dedikasi.

Sekian, terima kasih.



Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

| | | | |
|---|---|--|---|
| <p>Major KRA #1: Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Kompeten, Berdaya Saing dan Inovatif</p> | <p>Definisi Pernyataan Hasil Utama #1 Graduan UKM menghayati aspirasi kebangsaan, memiliki nilai etika, berilmu pengetahuan, kompeten, berdaya inovasi dan berdaya saing yang memenuhi keperluan negara dan masyarakat sejagat.</p> <p>KPI KRA #1 a) Peratusan graduan yang mendapat pekerjaan (berdasarkan kelayakan) atau tawaran biasiswa dalam masa enam bulan selepas menamatkan pengajian; b) Peratusan graduan UKM (mengikut kohort) menjadi pemimpin/peneraju masyarakat dan organisasi awam/swasta.</p> | | |
| <p>Sub KRA #1.1 Graduan beraspirasi kebangsaan</p> | <p>Pernyataan Hasil #1.1 Graduan UKM memahami dan menghayati aspirasi kebangsaan serta memiliki nilai, etika, profesionalisme yang mendasari pembangunan negara bangsa mengikut acuan budaya kebangsaan.</p> | <p>KPI #1.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan graduan yang memahami aspirasi kebangsaan; 2. Peratusan graduan yang berupaya menunjukkan apresiasi budaya dan nilai. | <p>Strategi #1.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerapkan aspirasi kebangsaan dalam program yang ditawarkan; 2. Meningkatkan kompetensi dan penglibatan penyarah dalam pembangunan negara bangsa dan perkongsian dengan pelajar; 3. Membudaya dan memperkasakan aktiviti pelajar yang memupuk dan menghayati aspirasi kebangsaan. |
| <p>Sub KRA #1.2 Graduan yang kompeten</p> | <p>Pernyataan Hasil #1.2 Graduan UKM menguasai ilmu terkini, kemahiran praktikal dan kemahiran insaniah tinggi serta sentiasa meningkatkan kompetensi, bersesuaian dengan</p> | <p>KPI #1.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan majikan yang mengakui graduan mempunyai ilmu yang terkini; 2. Peratusan majikan yang mengakui graduan mempunyai kemahiran praktikal dan insaniah yang tinggi. | <p>Strategi #1.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan penglibatan pemegang taruh dalam penyediaan kurikulum serta penyampaian program pengajian; 2. Meningkatkan keyakinan graduan untuk bersaing dalam masyarakat sejagat; |

| | | | |
|---|---|--|---|
| | keperluan negara dan masyarakat sejagat. | 3. Peratusan graduan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau mengikuti kursus/program pembelajaran sepanjang hayat. | 3. Mewujudkan program yang khusus untuk meningkatkan keboleherjaan dan kebolehpasaran graduan; 4. Menghasilkan graduan yang mempunyai nilai yang tinggi dan ciri-ciri yang terserlah. |
| Sub KRA #1.3 Graduan Berdaya Saing & Inovatif | Pernyataan Hasil #1.3 Graduan UKM mempunyai daya inovasi, ciri dan pemikiran keusahawanan, mahir komunikasi dalam Bahasa Melayu dan bahasa antarabangsa serta sifat kepimpinan yang menjadi pilihan utama majikan dan pihak berkepentingan. | KPI #1.3 1. Persepsi majikan terhadap ciri graduan dalam: a) daya inovasi dan pemikiran keusahawan; b) keluasan ilmu; c) kompetensi generik. 2. Bilangan graduan yang menjadi usahawan (mengikut kohort sela lima tahun); 3. Peratusan majikan yang bersedia menjadikan graduan UKM sebagai pilihan utama mengisi kekosongan jawatan. | Strategi #1.3 1. Memperluaskan penggunaan kaedah pembelajaran dan pengajaran berpusatkan pelajar dan pengajaran yang aktif dalam meningkatkan daya inovasi dan keusahawanan graduan; 2. Mewujudkan kaedah yang inovatif untuk meningkatkan kompetensi dan keluasan ilmu; 3. Memperkembangkan penyampaian kursus citra kompetensi secara inovatif dan kreatif. |

| | | | |
|---|---|--|--|
| <p>Major KRA #2: Penyelidikan dan Inovasi yang Berimpak Tinggi</p> | <p>Definisi Pernyataan Hasil Utama #2 Kepakaran dan hasil penyelidikan UKM menyumbang secara tekal kepada pembangunan ekonomi dan sosial melalui ekosistem yang dapat memupuk penemuan inovasi, penyebaran dan penggunaan ilmu.</p> <p>KPI KRA #2 a) Peratusan ahli akademik UKM menjadi pakar rujuk pihak berkepentingan (stakeholder) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; b) Peratusan ahli akademik UKM mendapat pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</p> | | |
| <p>Sub KRA #2.1: Kesarjanaan yang diiktiraf</p> | <p>Pernyataan Hasil #2.1 UKM memupuk, menghasilkan, menarik dan mengekalkan individu dan pasukan sarjana yang tersohor, memacu penyelidikan dan menawarkan penyelesaian berimpak tinggi untuk negara, industri dan masyarakat.</p> | <p>KPI #2.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bilangan penyelidik yang mendapat sanjungan yang tinggi dalam kalangan akademik dan pihak berkepentingan; 2. Bilangan penyelidik yang dibimbing sebagai pelapis sarjana yang diiktiraf; 3. Bilangan penyelidik yang menerajui projek penyelidikan yang terkehadapan. | <p>Strategi #2.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan program promosi dan publisiti kepada sarjana yang mendapat pengiktirafan tinggi untuk menyerlahkan lagi sarjana UKM dalam kalangan masyarakat; 2. Memperkukuhkan kesarjanaan yang diiktiraf dalam kalangan ahli Fakulti/Institut/Pusat; 3. Membudayakan pementoran dan jaringan dengan penyelidik dalam dan luar yang terkemuka untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan inovasi; 4. Mewujudkan perancangan dan program tersusun untuk pengambilan staf; |

| | | | |
|--|---|---|--|
| | | | 5. Menyediakan sistem pembangunan dan sokongan serta mengekalkan sarjana yang diiktiraf. |
| <p>Sub KRA #2.2: Penghasilan dan sumbangan penyelidikan</p> | <p>Pernyataan Hasil #2.2 UKM menjana ilmu baru dan menawarkan penyelesaian unik dan berdaya saing serta menjadi rujukan oleh ilmuwan, industri, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain.</p> | <p>KPI #2.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bilangan projek penyelidikan UKM yang memberi penyelesaian kepada isu dan permasalahan utama negara, industri dan antarabangsa. | <p>Strategi #2.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujud dan memantapkan pusat/makmal penyelidikan yang menjadi rujukan; 2. Membina keupayaan penyelidikan dan kepakaran yang sesuai dengan keperluan terkini pihak berkepentingan dan mengambil kira perkembangan penyelidikan masa hadapan; 3. Mewujudkan program penyelidikan yang menumpukan kepada penyelesaian masalah dan menjana ilmu yang terkehadapan. |
| <p>Sub KRA #2.3: Pembangunan modal insan</p> | <p>Pernyataan Hasil #2.3 UKM menghasilkan penyelidik yang mempunyai kepakaran dan beretika yang menyumbang kepada proses pengembangan, penggunaan ilmu dan inovasi bernilai tinggi.</p> | <p>KPI #2.3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bilangan calon Sarjana dan Ph.D yang tamat pengajian; 2. Bilangan kes salah laku etika penyelidikan yang melibatkan graduan UKM; 3. Siswazah UKM yang menjadi pemimpin dalam bidang kepakaran dalam agensi awam dan swasta. | <p>Strategi #2.3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menarik pelajar cemerlang untuk mengikuti program siswazah; 2. Meningkatkan kemahiran penyeliaan yang berkesan; 3. Meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap etika penyelidikan; 4. Meningkatkan kemahiran kepimpinan penyelidikan dan kemahiran perundingan pelajar siswazah. |

| | | | |
|---|---|--|--|
| <p>Major KRA #3: Perkongasian Pintar dan Keterlibatan Strategik</p> | <p>Definisi Pernyataan Hasil Utama #3 Perkongasian pintar yang berimpak tinggi antara UKM dengan pihak berkepentingan yang saling memanfaatkan dan mengukuhkan tawaran nilai UKM (pendidikan, penyelidikan dan khidmat universiti) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</p> <p>KPI KRA #3</p> <p>a) Keberkesanan pakatan strategik – penilaian oleh rakan strategik (industri/komuniti/ institusi) pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;</p> <p>b) Persepsi pihak berkepentingan (industri/komuniti/ institusi) ke atas sumbangan UKM.</p> | | |
| <p>Sub KRA #3.1: Budaya keterlibatan Warga UKM yang tinggi</p> | <p>Pernyataan Hasil #3.1 Warga UKM menghayati kepentingan keterlibatan, mempunyai pengetahuan dan keupayaan untuk melaksanakan aktiviti keterlibatan masyarakat dan industri secara berkesan</p> | <p>KPI #3.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan warga UKM yang terlibat dalam aktiviti keterlibatan masyarakat; 2. Peratusan warga UKM yang memimpin aktiviti keterlibatan masyarakat; 3. Peratusan pihak berkepentingan ke atas keberkesanan program keterlibatan UKM. | <p>Strategi #3.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan budaya keterlibatan dalam kalangan Warga UKM; 2. Meningkatkan keterserlahan program keterlibatan UKM; 3. Mempelbagaikan program keterlibatan yang inovatif dan merentas bidang. |

| | | | |
|---|---|--|--|
| <p>Sub KRA #3.2: Perkongsian kepakaran dan sumber yang optimum</p> | <p>Pernyataan Hasil #3.2 Pemindahan ilmu dan perkongsian kepakaran dan sumber yang memberi impak yang tinggi kepada pihak yang terlibat dalam menyelesaikan permasalahan dan merealisasikan misi institusi</p> | <p>KPI #3.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan projek keterlibatan yang berteraskan kepakaran yang berimpak; 2. Peratusan perakuan positif pihak berkepentingan ke atas keberkesanan program keterlibatan UKM; 3. Pengiktirafan daripada pihak berkepentingan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. | <p>Strategi #3.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meluaskan jaringan dan kolaborasi dengan pihak berkepentingan; 2. Menyerlahkan kepakaran kepada pihak berkepentingan yang terkemuka; 3. Menggembeng kepakaran dan sumber rentas disiplin yang menjurus kepada penyelesaian masalah industri dan masyarakat. |
| <p>Sub KRA #3.3: Penciptaan nilai yang tinggi dan lestari</p> | <p>Pernyataan Hasil #3.3 Penciptaan nilai yang tinggi dan lestari yang meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan daya saing industri yang menyokong pembangunan dan kemajuan negara.</p> | <p>KPI #3.3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengiktirafan sumbangan keterlibatan UKM daripada pihak berkepentingan. 2. Peratusan perakuan positif pihak berkepentingan ke atas nilai dan kelestarian program keterlibatan UKM. | <p>Strategi #3.3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membangunkan program bernilai tinggi yang berpotensi mendapat dana daripada pihak berkepentingan. 2. Memastikan kesinambungan program keterlibatan yang berimpak. |

| | | | |
|---|---|--|--|
| <p>Major KRA #4 Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang</p> | <p>Definisi Pernyataan Hasil Utama #4 Staf Akademik, Pengurusan dan Profesional, dan Pelaksana mempunyai ilmu, kemahiran, etika, kemuafakatan dan proaktif kepada perubahan yang berupaya menambah nilai perkhidmatan dan membangunkan institusi yang cemerlang, berinovasi dan produktif.</p> <p>KPI KRA #4</p> <p>a) Peratus warga UKM yang terlibat dalam inisiatif inovasi peningkatan kualiti (contohnya Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK), T-novatioan dan lain-lain);</p> <p>b) Kepuasan pihak berkepentingan yang berurusan dengan UKM.</p> | | |
| <p>Sub KRA #4.1: Staf yang kompeten dan inovatif</p> | <p>Pernyataan Hasil #4.1 Staf UKM mempunyai pengetahuan, kemahiran terkini dan daya inovasi yang tinggi untuk memberi perkhidmatan berkesan dan menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan.</p> | <p>KPI #4.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Peratusan staf UKM yang menghadiri kursus/latihan dalam kemahiran terkini; 2. Peratusan staf UKM yang terlibat dalam projek/program inovasi 3. Bilangan projek inovasi yang berdaftar; 4. Peratusan maklum balas pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan; 5. Bilangan rujukan terhadap kecemerlangan perkhidmatan UKM. | <p>Strategi #4.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan kompetensi staf sesuai dengan keperluan terkini dan akan datang; 2. Membudayakan inovasi dalam proses kerja; 3. Membudayakan perkongsian amalan terbaik di dalam dan luar UKM. |

| | | | |
|---|--|---|---|
| <p>Sub KRA #4.2: Staf yang beretika dan bermuafakat</p> | <p>Pernyataan Hasil #4.2 Staf UKM yang mempunyai nilai dan etika kerja profesional yang tinggi dan sentiasa bermuafakat dalam menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang.</p> | <p>KPI #4.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bilangan kes tatatertib yang dilaporkan/disabitkan; 2. Bilangan aduan yang dilaporkan oleh warga UKM dan semua pihak berkepentingan; 3. Bilangan penyertaan dalam aktiviti berkumpulan. | <p>Strategi #4.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk nilai kerohanian, etika kerja dan jati diri; 2. Mengukuhkan dan membudayakan kerja berpasukan. |
| <p>Sub KRA #4.3: Institusi yang proaktif dan dinamik</p> | <p>Pernyataan Hasil #4.3 UKM adalah institusi yang bersifat proaktif dan dinamik untuk menerajui perubahan dalam meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan dan institusi serta menyumbang kepada persekitaran kerja yang mesra perubahan.</p> | <p>KPI #4.3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bilangan inisiatif baru atau penambahbaikan perkhidmatan; 2. Bilangan rujukan terhadap kecemerlangan perkhidmatan UKM. | <p>Strategi #4.3</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk persekitaran kerja yang mesra perubahan; 2. Menambahbaik sistem pengurusan mengikut keperluan semasa dan akan datang. |

| | | | |
|--|---|--|--|
| <p>Major KRA #5 Penjanaan Kekayaan Secara Optimum & Strategik</p> | <p>Definisi Pernyataan Hasil Utama #5 Kedudukan kewangan yang kukuh dan mantap disokong oleh aktiviti penjanaan kekayaan secara optimum & strategik berdasarkan kepakaran, harta intelektual dan aset hakiki</p> <p>KPI KRA #5 Peratus perbelanjaan pengurusan (OE) yang dijana secara dalaman.</p> | | |
| <p>Sub KRA #5.1: Kepakaran bernilai tinggi</p> | <p>Pernyataan Hasil #5.1 Kepakaran dan harta intelek UKM mendapat pengiktirafan tinggi daripada pasaran serta pelanggan berwibawa yang menyumbang secara tekal kepada pendapatan universiti.</p> | <p>KPI #5.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah penjanaan hasil daripada kepakaran dan pengkomersilan harta intelek; 2. Peratusan kepada perbelanjaan pengurusan. | <p>Strategi #5.1</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan penglibatan staf secara meluas dalam khidmat perundingan; 2. Mempelbagaikan sumber pendapatan berasaskan kepakaran dan aset intelektual; 3. Memperhebat promosi kepakaran dan menjalinkan usaha sama strategik dengan agensi dan industri berkaitan. |
| <p>Sub KRA #5.2: Pengewangan Aset Hakiki</p> | <p>Pernyataan Hasil #5.2 Perkhidmatan dan aset hakiki UKM diurus dan dikembangkan secara profesional dan digembengkan secara optimum bagi menghasilkan pendapatan yang tinggi serta memuaskan pelanggan.</p> | <p>KPI #5.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kekekapan penggunaan aset hakiki; 2. Jumlah dan nilai aset yang dikembangkan; 3. Jumlah penjanaan daripada hasil pengewangan aset hakiki; 4. Peratusan kepada perbelanjaan pengurusan; 5. Maklum balas daripada pelanggan yang diperoleh melalui soal selidik. | <p>Strategi #5.2</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menawarkan aset dan perkhidmatan berkualiti yang bernilai tinggi di pasaran; 2. Memperluas dan memperhebat promosi aset dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh universiti; 3. Membangunkan aset baru yang mempunyai potensi besar. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| <p>Sub KRA #5.3: Penguuhan Endowmen & Tajaan</p> | <p>Pernyataan Hasil #5.3 Pakar, program dan prasarana UKM dibiayai oleh dana endowmen dan tajaan yang bernilai tinggi daripada entiti yang berwibawa dan pelbagai.</p> | <p>KPI #5.3 1. Bilangan endowmen dan tajaan; 2. Nilai endowmen dan tajaan; 3. Bilangan entiti mengikut kategori; 4. Jumlah sumbangan per entiti.</p> | <p>Strategi #5.3 1. Menawarkan pakej endowmen; 2. Menawarkan pakej tajaan yang berupaya menarik penyumbang dana; 3. Mempromosi 3P (pakar, program dan prasarana) kepada penyumbang berpotensi.</p> |
|---|---|---|---|

| | | | |
|--|---|--|--|
| <p>Major KRA #6 Prasarana dan Persekitaran Ilmu yang Kondusif</p> | <p>Definisi Pernyataan Hasil Utama #6 UKM mempunyai prasarana, persekitaran dan sistem perkhidmatan yang berkesan sebagai pemangkin kepada aktiviti pendidikan, penyelidikan dan khidmat yang cemerlang.</p> <p>KPI KRA #6: Tahap kepuasan warga UKM (Pelajar / Kakitangan akademik / Kakitangan pelaksana) dan Pelanggan luar.</p> | | |
| <p>Sub KRA #6.1: Prasarana berkualiti</p> | <p>Pernyataan Hasil #6.1 Aktiviti pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan UKM disokong oleh prasarana yang lengkap dan moden yang memenuhi keperluan dan kepuasan semua pihak berkepentingan.</p> | <p>KPI #6.1 1. Peratusan pengguna yang berpuas hati dengan prasarana yang disediakan.</p> | <p>Strategi #6.1 1. Menyediakan prasarana yang memenuhi keperluan yang merangsang kecemerlangan; 2. Meningkatkan budaya penyelenggaraan prasarana dalam kalangan warga kampus; 3. Menyediakan perancangan pembangunan prasarana jangka panjang.</p> |
| <p>Sub KRA #6.2: Persekitaran lestari</p> | <p>Pernyataan Hasil #6.2 Kampus UKM mempunyai persekitaran dan prasarana yang selamat, berisiko rendah, selesa dan ceria serta mesra pengguna dan alam sekitar.</p> | <p>KPI #6.2 1. Bilangan kemalangan/ bencana/kes jenayah yang berlaku; 2. Peratusan pengguna berpuas hati dengan persekitaran yang selesa, ceria dan mesra pengguna.</p> | <p>Strategi #6.2 1. Memupuk budaya kesedaran keselamatan dan kesihatan; 2. Menyedia dan mengekal infrastruktur fizikal sesuai dengan keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; 3. Melaksanakan amalan terbaik kelestarian.</p> |

| | | | |
|---|---|--|---|
| <p>Sub KRA #6.3: Perkhidmatan berkesan</p> | <p>Pernyataan Hasil #6.3 UKM menyediakan perkhidmatan yang menyeluruh, cekap dan moden, merangkumi kesemua aspek utama yang menyokong kualiti dan keberkesanan penyampaian universiti.</p> | <p>KPI #6.3 1. Peratusan pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan;</p> | <p>Strategi #6.3 1. Menyelenggara kemudahan dan utiliti secara berkala; 2. Mewujud dan menguatkuasa piawaian perkhidmatan yang disediakan; 3. Menambah perkhidmatan baru sesuai dengan keperluan semasa.</p> |
|---|---|--|---|

**JAWATANKUASA BIDANG KEBERHASILAN UTAMA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Pengerusi

Naib Canselor

Ahli-ahli

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa) (Pengerusi BKU 1)

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi) (Pengerusi BKU 2)

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat) (Pengerusi BKU 3)

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni) (Pengerusi BKU 6)

Pengarah Eksekutif Pentadbiran (Pengerusi BKU 4)

Pengarah Eksekutif Kewangan (Pengerusi BKU 5)

Setiausaha

Pengarah Eksekutif Strategi-UKM

Urus Setia

Pusat Strategi UKM

PENDAULAT AMANAH NEGARA

REKABENTUK OLEH PUSAT STRATEGI UKM
BARUDIN2014